

# Pensyarah muda dilatih jadi CEO

*Mereka yang  
berkelulusan PhD  
bakal terajui  
syarikat*

MODH RIDZUAN ABU HASSAN

**P**ensyarah muda berkelulusan ijazah doktor falsafah (PhD) ditempatkan dalam organisasi ketua pegawai eksekutif (CEO) di syarikat swasta sebagai pendedahan mengenai budaya kerja industri.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS) Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Datuk Prof Ir Mohd Saleh Jaafar berkata, inisiatif tersebut membabitkan 48 pensyarah berusia 30 hingga 40 tahun daripada pelbagai bidang.

Menurutnya, usaha dilaksana-



**Pensyarah CEO menjayakan program membina dua rumah untuk penduduk Kampung Orang Asli Gurney, baru-baru ini.**

kan pihak kementerian bertujuan menyediakan pensyarah berkaliber bagi menghadapi cabaran baharu dan menerapkan unsur kepimpinan kepada bakal peneraju penguasaan tertinggi universiti.

“Program Academia-Industry Talent Exchange Programme

(AI-Xchange): CEO Faculty musim kedua ini melibatkan 26 syarikat swasta.

“CEO di syarikat berkenaan akan melatih pensyarah muda menjadi pemimpin dengan slogan Coached by the Pro dan diletakkan di pejabat ‘CEO’ masing-

masing.

“Pensyarah tersebut menjalani program khas selama enam bulan untuk menguasai budaya korporat menguruskan syarikat profil tinggi,” katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program Rumah Angkat

Program membabitkan 48 pensyarah berusia 30 hingga 40 tahun daripada pelbagai bidang

1.0 di Kampung Orang Asli Gurney, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Hadir sama, isteri Menteri Pendidikan, Dr Hamidah Mat dan Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui;

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Datuk Ajis Sitin dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan CIMB, Datuk Hamidah Naziadin.

Mohd Saleh berkata, terdapat tiga tugas utama termasuk melaksanakan projek kolaborasi industri dan universiti serta kajian impak terhadap CEO syarikat berkhidmat dan tanggungjawab sosial korporat.